



Kepada
Semua Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2009

PINDAAN KEPADA PARA 6.1 (i)

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2009

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk meminda para 6.1 (i) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2009, Garis Panduan Penggunaan Bantuan Khas Pembangunan Daerah (Parlimen) Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mengikut para 6.1 (i) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2009, Ahli Parlimen dibenarkan membuat

perbelanjaan sehingga **RM50,000.00 setahun** bagi tujuan perbelanjaan pengurusan pejabat seperti berikut:-

- a) penyewaan pejabat;
- b) pembelian kelengkapan dan alat tulis pejabat;
- c) penyewaan mesin fotostat tidak melebihi **RM7,200.00** setahun;
- d) penganjuran mesyuarat;
- e) pembayaran bil-bil utiliti;
- f) penyelenggaraan pejabat; dan
- g) pengubahsuaian pejabat secara *one off* dengan kos tidak melebihi **RM20,000.00**.

2.2 Walau bagaimanapun, terdapat keperluan bagi Ahli Parlimen untuk melantik kerani bagi membantu Ahli Parlimen dalam urusan pentadbiran pejabat. Oleh yang demikian, Ahli Parlimen memohon agar peruntukan pengurusan pejabat berjumlah **RM50,000.00** setahun dapat digunakan bagi tujuan pembayaran gaji kerani tersebut.

2.3 Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil 22/2009 yang bersidang pada 1 Julai 2009 telah bersetuju dengan cadangan setiap Ahli Parlimen dibenarkan untuk menggunakan peruntukan tersebut bagi tujuan pembayaran emolument kepada kakitangan di pejabat Ahli Parlimen bagi melaksanakan kerja-kerja pentadbiran dengan kadar yang munasabah.

3. PINDAAN

3.1 Bagi melaksanakan keputusan Mesyuarat MMKN di perenggan 2.3, Surat Pekeliling Perbendaharaan ini meminda para 6.1 (i) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2009 dengan tambahan seperti berikut:

“6.1 (i) h) pembayaran emolumen kakitangan di pejabat Ahli Parlimen dengan kadar yang munasabah”.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009 dan Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2009.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh : Julai 2009

Filename: SPP BIL. 8 TAHUN 2009.docx
Directory: C:\Documents and Settings\Administrator\My Documents\pekeliling
Template: C:\Documents and Settings\Administrator\Application
Data\Microsoft\Templates\Normal.dotm
Title:
Subject:
Author: m hafez
Keywords:
Comments:
Creation Date: 6/10/2009 8:19:00 AM
Change Number: 10
Last Saved On: 7/13/2009 8:05:00 AM
Last Saved By: ICTPNS
Total Editing Time: 32 Minutes
Last Printed On: 7/14/2009 5:13:00 PM
As of Last Complete Printing
Number of Pages: 3
Number of Words: 334 (approx.)
Number of Characters: 1,908 (approx.)